

20/03/1999

Kemenangan di Sabah bukti kredibiliti BN tidak tergugat

BARISAN Nasional (BN) mencapai kemenangan dalam pilihan raya Sabah - suatu prestasi yang barangkali tidak ramai yang percaya akan menjadi kenyataan. Ini ialah kerana kita melihat pilihan raya itu dari kaca mata Kuala Lumpur. Lim Kit Siang sendiri meramalkan kemenangan tipis sama ada untuk BN ataupun pembangkang dalam pilihan raya itu.

Malah, sesetengah pemerhati menjangka BN tidak mungkin menang kerana pengundi Sabah pasti terpengaruh dengan isu bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Mustahil, kata mereka, apa yang menjadi isu hangat di Semenanjung tidak dirasakan bahangnya di Kota Kinabalu. Ada pula yang membuat perhitungan, keputusan pilihan raya di Sabah akan menjadi petunjuk kepada hala dan arah pilihan raya umum di Semenanjung nanti.

Jika prestasi BN merosot di Sabah, maka akan merosot pula prestasinya di Semenanjung. Dan kalau BN kalah di Sabah, akan tergugat nanti kedudukan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin Umno. Sebuah analisis yang saya baca dalam akhbar pembangkang membayangkan pengikut reformasi telah melemahkan organisasi BN di Sabah untuk memastikan BN tidak meraih kemenangan.

Bagaimanapun BN mencapai kemenangan dengan merebut 31 kerusi, kurang satu kerusi saja untuk memenangi majoriti dua pertiga dalam Dewan Undangan Negeri itu. Tetapi kekurangan ini akan diisi dengan enam kerusi yang anggotanya dilantik sebagai haknya menjadi parti majoriti. Kemenangan BN, bagaimanapun dibayar dengan harga yang agak mahal juga.

Bekas Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok kalah. Sebelum ini Dompok menyatakan sekiranya kalah, dia hendak bersara dari politik. PBS berjaya merebut 17 kerusi dalam kawasan yang mana Kadazandusun adalah pengundi majoriti. PBS muncul parti politik terbesar di pihak pembangkang.

Parti pembangkang yang lain seperti Parti Bersekutu pimpinan bekas Ketua Menteri Datuk Harris Salleh, Pas, Pasok dan Setia menanggung kekalahan teruk. Bersekutu yang pada mulanya dijangka akan memberikan pertentangan kuat tidak berjaya merebut sebarang kerusipun. Bahkan Harris sendiri kalah. Pas yang meletakkan enam calon juga kalah teruk dan hilang wang pertaruhan mereka apabila mendapat kurang daripada 400 undi. Keseluruhan undi Pas dalam keenam-enam kawasan ialah 1,352 dengan undi tertinggi sebanyak 373 di Merotai dan paling rendah 121 di Sekong. Kempen calon Pas tentu membawa 'mesej' reformasi untuk pengundi Sabah.

Keputusan pilihan raya di Sabah memperlihatkan hanya dua parti saja yang mampu bersaing untuk merebut kerajaan negeri itu - Umno khususnya BN dan PBS. Tidak ada ruang untuk parti lain dalam gelanggang negeri itu. Harris cuba menumpang mengisi ruang itu tetapi ternyata harapannya meleset. Barangkali Harris sudah terlalu lama meninggalkan gelanggang politik Sabah dan kerana itu kehilangan sentuhannya.

Seorang penganalisis menyatakan berdasarkan keputusan itu, jelas dua golongan pengundi muncul sebagai tenaga penting dalam politik negeri itu iaitu Kadazandusun dan Bumiputera Islam.

Walaupun PBS dan Umno tidak dianggotai seratus peratus oleh Kadazandusun dan Bumiputera Islam, keputusan itu menunjukkan kaum itu cenderung menyokong parti yang mereka anggap mewakili kepentingan mereka. Perubahan persempadanan kawasan pilihan raya diatur begitu rupa hingga salah satu dari kaum itu yang berupa golongan yang menentukan keputusan pilihan raya itu.

Pemimpin Umno khususnya memberikan perhatian istimewa untuk memikat pengundi Bumiputera dan nyata strategi itu memberikan hasil. PBS pula menekankan pentingnya masyarakat Kadazandusun mempertahankan tradisi budaya mereka di samping menggariskan kewajipan rakyat Sabah melindungi hak negeri itu daripada diserahkan kepada kuasa Pusat.

Kesan awal dari keputusan pilihan raya itu ialah pada pengundi Kadazandusun, isu yang memikat mereka bukan pembangunan infrastruktur yang dibawa kerajaan BN melainkan kesetiaan etnik mereka. Beberapa tokoh termasuk Dompok yang membawa pembangunan di kawasan Kadazandusun tumbang dan terpinggir disebabkan faktor itu.

Penganalisis menyatakan gejala ini ternyata di kawasan pedalaman yang memberikan undi mereka kepada calon yang setia dan jujur memperjuangkan tradisi budaya kaum mereka. Sedangkan di bandar yang mana pengundinya adalah pelbagai kaum yang agak seimbang jumlahnya, 'mesej pembangunan' BN nampaknya mempengaruhi pengundi.

Seperkara yang agak menarik ialah ketiadaan tokoh Kadazandusun dalam barisan parti pemerintah untuk dicalonkan sebagai Ketua Menteri sementara sistem memilih mengikut giliran kekal dilaksanakan. Enam kerusi untuk anggota yang dilantik parti yang berkuasa barangkali akan turut diberikan kepada wakil Kadazandusun.

Dengan berakhirnya pilihan raya Sabah dan dengan kemenangan BN, penganalisis politik akan mengalihkan perhatian kepada pilihan raya umum akan datang dan mengkaji semula andaian mengenai kedudukan parti politik di Semenanjung.

Kemenangan BN di Sabah memperlihatkan kemampuan BN untuk menangkis imej yang ia kini begitu tenat keadaannya akibat gelora politik akhir-akhir ini hingga terjejas kemampuannya untuk mempertahankan prestasinya. Kekalahan Pas di Sabah barangkali mengandungi satu pengertian BN masih bertenaga untuk mempertahankan prestasinya.

Bahawa akan terdengar tuduhan pilihan raya itu tidak adil kerana ada 'penyelewengan' seperti yang dituduh Datuk Joseph Pairin Kitingan tidak akan menjejaskan hakikat pilihan raya itu dilaksanakan secara terbuka.

(END)